

21 AUG 1999

Rusia-juruterbang

JURUTERBANG VETERAN MALAYSIA DAPAT PERHATIAN RAMAI DI RUSIA

Oleh: Azman Ujang

ULAN UDE (Rusia), 21 Ogos (Bernama) -- Bukan juruterbang Rusia sebaliknya anak Malaysia yang menjadi perhatian ramai pada satu demonstrasi penerbangan di sebuah kilang pengeluar pesawat terkemuka Rusia, yang dilawati oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada Sabtu.

Leftenan Kolonel (Bersara) Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) A. Munisamy menawan udara dengan helikopter MI-171, yang tidak pernah dipandunya sebelum ini, dalam satu penerbangan selama 15 minit yang dipertunjukkan kepada Dr Mahathir, yang melawat Kilang Penerbangan Ulan Ude lebih tiga jam.

Munisamy, 53, kini pengurus projek Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM) tidak memakai pakaian seragam juruterbang sebaliknya segar dengan pakaian sut.

Sejurus keluar daripada helikopter itu, beliau diserbu media Rusia dan ditemubual oleh wartawan televisyen.

Lebih dikenali sebagai Sam, Munisamy telah berkhidmat dengan TUDM selama 31 tahun dan mencatatkan masa penerbangan sebanyak 5,000 jam, kebanyakannya pesawat Nuri atau helikopter Sikorsky buatan Amerika Syarikat.

Ditanya oleh wartawan Rusia mengenai prestasi helikopter itu, Munisamy berkata beliau "pasti" mencadangkan kepada TUDM untuk membeli pesawat MI-171 itu.

"Ia adalah helikopter yang mudah dan praktikal untuk dibawa. Ia mengendali dengan baik," katanya.

Beliau berkata sudah tiba masanya TUDM beralih ke Rusia bagi membeli keperluan helikopternya kerana negara itu mengeluarkan pesawat yang serbaguna.

"Alangkah baiknya jika helikopter ini ada semasa saya berkhidmat dengan TUDM. Ia pasti membolehkan juruterbang melakukan tugas mereka dengan lebih baik dalam membawa anggota tentera atau barangan," kata Munisamy, yang berasal dari Kuala Lumpur.

Beliau berkata MI-171 adalah pesawat yang lebih baik berbanding Nuri dan walaupun bersaiz besar, ia mampu melakukan lebih banyak penerbangan berbanding helikopter ringan.

Munisamy berkata helikopter buatan Rusia itu adalah lebih murah berbanding pesawat buatan negara lain kerana pengeluarannya lebih mementingkan faktor reliabiliti berbanding ciri-ciri estetik.

Presidem AIM Left Jen (Bersara) Datuk Seri Yunus Tasi, yang merupakan ketua Munisamy semasa mereka sama-sama di TUDM, ialah antara mereka yang mengucapkan tahniah kepada beliau kerana melakukan penerbangan demonstrasi itu.

"Tahniah, Sam. Dalam sekelip mata anda sudah terkenal," kata Yunus, di tengah-tengah temubual TV itu.

Yunus juga kini adalah ketua Munisamy di AIM, syarikat milik kerajaan Malaysia yang ditubuhkan untuk mengembangkan pembangunan industri udara negara.

Yunus dan satu rombongan pegawai AIM berada di sini untuk berbincang dengan Rusia mengenai kemungkinan mengadakan usahasama dalam industri itu, bersempena dengan lawatan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AU NAK

